

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Kajian ini adalah mengenai sikap bahasa komuniti atas-talian (*online community*) ke atas empat variasi bahasa Cina, iaitu bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien dan dialek Kantonis. Secara khususnya, komuniti atas-talian yang dimaksudkan merupakan penduduk Cina di Kuching, Sarawak. Ujian *matched-guise* dan soal selidik digunakan dalam proses pengumpulan data. Teknik *matched-guise* oleh Lambert, Hodgson, Gardner & Fillenbaum (1960) dan inovasi-inovasi selanjutnya ke atas teknik ini (contohnya oleh Zhang, 2009; Cavallaro & Ng, 2009; Young, 2003; Campbell-Kibler, 2008; Lindemann, 2003) dijadikan sebagai sumber rujukan dalam membangunkan ujian *matched-guise* bagi kajian ini.

Bab 1 ini dimulakan dengan latar belakang kajian, yang seterusnya membawa kepada masalah kajian, objektif kajian dan persoalan kajian. Limitasi kajian menyusul sebelum bab ini diakhiri dengan kepentingan kajian.

1.1 Latar belakang kajian

Bahasa merupakan alat yang memungkinkkan komunikasi antara manusia berlaku dengan berkesan. Pada dasarnya, sistem bunyi (fonologi), perkataan (leksikal) dan pembentukannya (morfologi), sistem nahu (sintaks), serta sistem makna (semantik) merupakan antara unsur-unsur penting yang membentuk sesuatu bahasa. Disebabkan setiap bahasa dalam dunia ini berbeza dari segi fonologi, morfologi, leksikal, sintaks dan semantik, maka wujudlah pelbagai bahasa seperti yang boleh kedengaran di sekitar komuniti manusia dalam kehidupan seharian.

Wujudnya kepelbagaian bahasa ini merupakan sesuatu yang begitu menarik terutamanya dalam kalangan pengkaji bahasa. Hal ini kerana setiap bahasa walaupun berbeza, penutur bahasa tetap dapat menggunakan bahasa masing-masing untuk menyampaikan maksud yang sama seperti yang dilakukan oleh penutur bahasa lain. Dengan kata lain, setiap bahasa dalam dunia ini mampu memenuhi keperluan komunikatif komuniti bahasanya (*speech community*). Apabila tertimbulnya satu-satu keadaan yang memerlukan pengungkapan keadaan baru itu dalam bentuk perkataan, setiap bahasa dikatakan mampu melakukan penyesuaian supaya hasil pengungkapan itu boleh difahami oleh komuniti bahasa masing-masing.

Disebabkan setiap komuniti bahasa berhadapan dengan konteks kehidupan yang berbeza, maka bahasa yang digunakan dalam komuniti bahasa masing-masing turut menampilkan perbezaan. Contohnya, masyarakat Melayu yang secara tradisinya mencari rezeki di pinggir laut mempunyai banyak perkataan yang merujuk kepada alat pengangkutan di jalan air, misalnya sampan, kapal, tongkang, perahu, rakit, bot, biduk dan seumpamanya; tetapi bahasa ini tidak mempunyai leksikal yang kaya dalam memperihalkan jenis-jenis salji seperti yang terdapat dalam bahasa masyarakat Eskimo. Walau bagaimanapun ketiadaan leksikal mengenai jenis-jenis salji dalam bahasa Melayu tidak menghalang komunikasi sesama komuniti yang menuturkan bahasa Melayu kerana fenomena bersalji tidak relevan dengan komuniti bahasa ini. Justeru, kalau ditinjau dari perspektif sosiolinguistik, tidak ada mana-mana bahasa atau variasi yang boleh dianggap sebagai lebih baik atau superior daripada bahasa atau variasi lain. Ini adalah kerana setiap bahasa atau variasi dapat memenuhi fungsi sosial yang paling penting, iaitu sebagai alat komunikasi yang berkesan dalam komuniti bahasa masing-masing.

Namun demikian, selama ini wujud perlawanan perspektif yang begitu ketara antara ahli sosiolinguistik dengan masyarakat awam yang memainkan peranan sebagai

pengguna bahasa yang utama. Bagi ahli sosiolinguistik, setiap bahasa adalah kompleks dan mempunyai sistem yang unik; setiap bahasa dapat memenuhi fungsi komunikatif komuniti bahasa masing-masing, maka setiap bahasa adalah setara. Bagi masyarakat awam pula, sering kedengaran dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat bahasa yang lebih indah, merdu, halus mahupun romantik berbanding bahasa lain. Keadaan yang sama juga berlaku pada dialek. Dakwaan sedemikian dikatakan sebagai memaparkan kepercayaan normatif (*normative belief*) oleh Hayes (2010:42), iaitu kepercayaan yang melibatkan ‘apa yang *dirasakan* sepatutnya berlaku’ dan bukannya ‘apa yang *sebenarnya* berlaku’. Dalam konteks perbincangan ini, satu-satu bahasa atau dialek *dirasakan* oleh masyarakat awam sebagai lebih indah, merdu dan sebagainya berbanding bahasa atau dialek yang lain, walhal setiap bahasa atau dialek adalah setara kalau dikupas secara saintifik. Kepercayaan normatif merupakan konsep yang luas. Kalau dikecilkan skopnya sehingga terbatas kepada bagaimana ahli masyarakat melihat bahasa sahaja, istilah ‘sikap bahasa’ lebih sesuai digunakan.

Definisi sikap bahasa akan dihuraikan dengan lebih terperinci dalam Bab 2 tetapi untuk tujuan pengenalan, adalah memadai untuk melihat konsep ini sebagai bagaimana manusia melayan satu-satu variasi bahasa dan juga penuturnya. Setiap masyarakat terdiri daripada individu yang tergolong dalam pelbagai kumpulan sosial; contohnya mereka yang mendapat pendidikan tinggi dan memiliki pekerjaan berkolar putih digolongkan dalam kumpulan sosial yang berbeza dengan mereka yang tidak berpeluang menerima pendidikan dan bekerja sebagai pekerja kolar biru. Individu yang berada dalam kumpulan sosial yang berlainan pula akan mempunyai pandangan dan sikap yang tertentu terhadap kumpulan sosial yang berbeza daripada kumpulan sosial sendiri (Appel & Muysken, 1987). Dakwaan ini senang difahami kerana penggolongan seseorang dalam kumpulan sosial yang berbeza bererti dia mempunyai latar belakang pendidikan, taraf sosioekonomi, konteks pergaulan, pengalaman hidup, dan pandangan

dunia yang berbeza. Perbezaan ini seterusnya akan menyumbang kepada kelainan cara seseorang individu menilai individu lain. Lazimnya, kumpulan sosial yang mempunyai kelas sosial yang lebih tinggi akan dipandang tinggi, dan bahasa yang digunakan oleh mereka turut diberi kedudukan yang lebih tinggi. Hal ini menimbulkan ilusi yang mana sesuatu bahasa kedengaran sebagai lebih indah dan merdu seperti yang disebutkan di atas. Kupasan yang lebih mendalam bakal mendedahkan bahawa terdapat banyak lagi faktor yang menyebabkan satu-satu bahasa atau variasi dipandang tinggi berbanding bahasa atau variasi lain, contohnya faktor instrumental, identiti, jantina, umur, dan integriti, tetapi secara amnya beginilah sikap bahasa wujud sesama manusia. Dengan ini, sikap bahasa dikatakan sebagai gambaran sikap terhadap pengguna dan penggunaan sesuatu bahasa (Holmes, 1998; Fasold, 1984).

Sikap bahasa sering dikaitkan dengan stereotaip yang seterusnya mencetuskan bias terhadap kumpulan sosial atau kumpulan etnik tertentu. Misalnya Preston (1999:359) menyatakan bahawa sesetengah kumpulan dipercayai bersikap rajin dan cerdik (maka begitu jugalah bahasa atau variasi mereka); sesetengah kumpulan dipercayai bersikap acuh tak acuh, romantik dan tidak mempedulikan kesan yang mungkin timbul akibat daripada perbuatan sendiri (maka begitu jugalah bahasa atau variasi mereka); sesetengah kumpulan dipercayai bersikap malas, biadap dan melengah-lengahkan masa (maka begitu jugalah bahasa atau variasi mereka); dan sesetengah kumpulan pula dipercayai bersikap praktikal, angkuh, serta tidak bersimpati terhadap orang lain (maka begitu jugalah bahasa atau variasi mereka). Selalunya dengan hanya berpandukan bahasa atau variasi yang dituturkan, mahupun loghat (*accent*) sahaja, pendengar sudah menganggap sesuatu kumpulan sosial atau etnik sebagai memiliki sifat-sifat personaliti yang menggambarkan ciri-ciri atau persepsi yang bersifat stereotaip terhadap kumpulan sosial atau etnik berkenaan (Edwards, 1982). Fenomena ini adalah tidak adil untuk setiap ahli dalam kumpulan sosial atau etnik yang

dimaksudkan, kerana jelas sekali dakwaan yang menyatakan bahawa keseluruhan kumpulan sosial atau etnik memiliki sesuatu sifat personaliti yang tertentu merupakan generalisasi yang keterlaluan (*overgeneralisation*). Generalisasi yang keterlaluan ini seterusnya boleh menimbulkan bias terhadap kumpulan sosial atau etnik yang dimaksudkan. Selain itu fenomena ini juga bakal mengehadkan persepsi dan pilihan untuk pihak yang mengutarakan dakwaan sedemikian. Contohnya, dalam situasi menemuramah untuk mengisi jawatan kosong, apabila seseorang penemuramah beranggapan bahawa sesiapa sahaja yang menuturkan bahasa X adalah rajin sementara sesiapa sahaja yang menuturkan bahasa Y adalah pemalas, boleh dijangka bahawa banyak calon yang menuturkan bahasa Y tidak dihargai olehnya, padahal mungkin ramai di antara penutur bahasa Y yang layak menyandang jawatan yang ditawarkan.

Sikap bahasa dan stereotaip yang wujud ekoran daripada sikap bahasa sebenarnya meninggalkan impak yang berpanjangan ke atas aspek-aspek kehidupan manusia. Dari segi pembelajaran bahasa kedua, sikap bahasa yang negatif terhadap bahasa kedua boleh mempengaruhi keberkesanan hasil pembelajaran (Butler, 2007; Gaies & Beebe, 1991) dan menimbulkan prejudis pengajar (Ford, 1984; Williams, 1970). Selain itu, sikap bahasa juga memainkan peranan penting dalam pengekalan bahasa tempatan, minoriti atau dialek (Dede, 2004; Zhang, 2009; Bolton & Lim, 2000), pengekalan identiti kumpulan (Githinji, 2008; Ihemere, 2006; Bresnahan, Ohashi, Nebashi, Liu & Shearman, 2002), polisi bahasa kerajaan (Cavallaro & Ng, 2009), konteks tempat bekerja (Purkiss, Perrewé, Gillespie, Mayes & Ferris, 2006; Milmo, Rosenthal, Blane, Chafetz & Wolf, 1967), konteks perniagaan (Tsalikis, Buonafina & LaTour, 1992) dan penggunaan bahasa oleh pihak media (Birch & McPhail, 1997).

1.2 Masalah kajian

Banyak kajian (contohnya Edwards, 1983; Young, 2003; Ihemere, 2006; Dailey, Giles, & Jansma, 2005) menunjukkan bahawa masyarakat yang multilingual menawarkan platform yang menarik untuk kajian sikap bahasa. Hal ini kerana pertembungan bahasa dan komuniti bahasa yang berbeza selalunya menghasilkan persepsi yang berbeza dalam kalangan pengguna bahasa terhadap pengguna bahasa yang lain. Meskipun ahli sosiolinguistik berpegang kepada prinsip kesamarataan bahasa, perlu diakui bahawa masyarakat awam selaku pengguna bahasa yang utama merupakan golongan paling mutlak yang mempengaruhi dan menentukan perkembangan serta masa depan sesuatu bahasa (Guo, 2004).

Sarawak merupakan salah sebuah negeri dalam Malaysia. Unjuran komposisi penduduk pada tahun 2010 menunjukkan negeri ini terdiri daripada ‘Bumiputera’ (yang terdiri daripada ‘Melayu’ dan ‘Bumiputera Lain’; contoh kaum-kaum etnik yang digolongkan sebagai ‘Bumiputera Lain’ termasuk (tetapi tidak terhad kepada) etnik Iban, Bidayuh, Melanau, Penan, dan Orang Ulu), ‘Cina’, ‘India’, dan ‘Lain-lain’ (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Jumlah untuk setiap kumpulan etnik ini ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik di Sarawak pada tahun 2010 (unjuran berdasarkan Banci Penduduk 2000)

Kumpulan etnik di Sarawak pada tahun 2010		Jumlah (orang)	Peratus (%)
Bumiputera	Melayu	571,962	23.28
	Bumiputera lain	1,231,337	50.12
Cina		643,336	26.19
India		4,665	0.19
Lain-lain		5,355	0.22
Jumlah besar		2456,655	100.00

(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010)

Kalau diperhatikan, boleh didapati bahawa komposisi penduduk di negeri Sarawak berbeza dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia. Selain mempunyai kaum Bumiputera (selain etnik Melayu) sebagai kumpulan etnik yang terbesar di sini, Sarawak juga merupakan satu-satunya negeri dalam Malaysia yang bilangan penduduk Cinanya melebihi bilangan penduduk Melayu (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Keadaan ini ada kaitan dengan polisi pentadbiran keluarga Brooke pada abad ke-19, apabila banyak orang China yang menuturkan dialek Hakka dan Foochow dibawa masuk secara besar-besaran ke Sarawak untuk bekerja sebagai peladang (Chiew, 2000). Statistik terkini (rujuk Jadual 1.2) menunjukkan orang Foochow merupakan kumpulan dialek yang terbesar dalam masyarakat Cina Sarawak, diikuti oleh orang Hakka, orang Hokkien, orang Teochew dan orang Kantonis (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000a). Sebenarnya kebangkitan orang Foochow sebagai kumpulan dialek majoriti hanya berlaku selepas tahun 1980; sebelum tahun tersebut orang Hakka merupakan kumpulan dialek majoriti di Sarawak (Rao, 2005).

Jadual 1.2: Jumlah penduduk Cina mengikut kumpulan etnik terperinci di Sarawak pada tahun 2000

Kumpulan etnik Cina (terperinci) di Sarawak pada tahun 2000	Jumlah (orang)	Peratus (%)
Foochow	178,261	34.79
Hakka	161,552	31.53
Hokkien	68,935	13.45
Teochew	38,120	7.44
Kantonis	29,434	5.74
Henghua	15,159	2.96
Hainan	7,675	1.50
Hokchia	840	0.16
Kwongsai	382	0.07
Cina lain	12,068	2.36
Jumlah besar	512,426	100.00

(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000a)

Walau bagaimanapun, Tan (2000) telah menunjukkan bahawa sesetengah kumpulan dialek cenderung berkumpul di sesetengah bandar dan daerah di Malaysia.

Keadaan yang sama juga berlaku di Sarawak. Disebabkan Sarawak merupakan negeri yang luas, dominasi orang Foochow secara keseluruhan di peringkat Sarawak tidak bererti semua bandar dalam Sarawak didominasi oleh orang Foochow. Pada hakikatnya hanya Sibu (Tan, 2004; Tan, 2000), Bintangor (dahulunya dikenali sebagai Binatang) dan Sarikei (Chew, 1990) merupakan bandar-bandar yang paling banyak orang Foochow tertumpu.

Kuching sebagai ibu negeri Sarawak merupakan bandar yang bukan secara tradisinya didominasi oleh orang Foochow. Sememangnya Kuching menyediakan sampel untuk hampir kesemua kumpulan dialek Cina (Tien, 1953:2) yang terdapat di Malaysia. Jadual 1.3 membekalkan statistik bilangan penduduk Cina di Kuching mengikut kumpulan etnik terperinci pada tahun 2000.

Jadual 1.3: Bilangan penduduk Cina di Kuching mengikut kumpulan etnik terperinci pada tahun 2000

Kumpulan etnik Cina (terperinci) di Kuching pada tahun 2000	Jumlah (orang)	Peratus (%)
Hakka	90,959	48.17
Hokkien	30,817	16.32
Teochew	25,247	13.37
Foochow	18,073	9.57
Henghua	6,704	3.55
Kantonis	6,178	3.27
Hainan	4,658	2.47
Hokchia	304	0.16
Kwongsai	227	0.12
Cina lain	5,656	3.00
Jumlah besar	188,823	100.00

(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000b)

Kewujudan pelbagai kumpulan dialek Cina di Kuching membolehkan banyak dialek kedengaran di situ. Meskipun orang Hakka merupakan kumpulan terbesar dalam kalangan orang Cina di Kuching, namun sebagai penduduk asal Kuching, pengkaji mendapati bahawa dialek yang *paling* dominan dalam kalangan penduduk Cina di Kuching bukannya dialek Hakka tetapi dialek Hokkien. Hasil pemerhatian informal

yang bersifat ethnografi ini adalah selari dengan dapatan Tan (2000:47), iaitu “*Hokkien is the Chinese lingua franca in most places in Malaysia, especially in... Sarawak.*” Dapatan yang turut disokong Lim & Tsiao (2009) ini boleh dijejak dari fakta bahawa orang Hokkien mempunyai sejarah penempatan yang lebih lama dan penyebaran mereka adalah lebih meluas (Tan, 2000:47), di samping sifat orang Hokkien yang gemar pada kehidupan di bandar (Ting & Puah, 2010:3). Situasi penggunaan dialek Hokkien di Kuching yang digambarkan ini membekalkan sebab mengapa kajian ini telah memilih untuk memfokus kepada dialek Hokkien (berbanding dengan dialek Foochow atau Hakka), walhal orang Foochow dan Hakka masing-masing dilaporkan sebagai kumpulan dialek yang terbesar di Sarawak dan Kuching.

Dalam kalangan penduduk Cina Kuching yang menggunakan pelbagai variasi bahasa Cina sebagai bahasa pertama dalam kehidupan mereka, dialek Hokkien boleh kedengaran dalam hampir kesemua domain, contohnya domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain keagamaan, domain tempat menjaja, domain perniagaan dan domain pekerjaan. Domain pendidikan pula menggunakan bahasa Mandarin, meskipun dialek Hokkien juga digunakan sesama pelajar atau guru di luar waktu pengajaran. Walau bagaimanapun, tidak ada hubungan linear yang jelas antara domain dan variasi bahasa Cina yang digunakan kerana satu-satu domain boleh mengandungi lebih daripada satu variasi; contohnya ahli-ahli keluarga boleh menuturkan bahasa Mandarin dan dialek Hokkien dalam domain kekeluargaan.

Pada masa yang sama, bahasa Mandarin semakin meluas digunakan dalam pelbagai domain kerana orang Cina (terutamanya yang menerima pendidikan aliran Cina) melihat bahasa Mandarin sebagai lingua franca sesama orang Cina di seluruh dunia di samping fungsinya sebagai bahasa literasi (*literate language*) (Tan, 2000:56). Berkembang daripada bahasa Mandarin, wujud sekurang-kurangnya dua jenis variasi bahasa Mandarin dalam konteks Kuching, iaitu bahasa Mandarin Standard dan bahasa

Mandarin basahan. Di Kuching, bahasa Mandarin Standard merupakan variasi yang lazim digunakan oleh guru-guru subjek bahasa Mandarin, pembaca berita dan pengacara radio. Variasi ini dicirikan khasnya oleh sebutan yang tepat, penggunaan leksikal yang standard, dan tiada atau amat jarang wujudnya fenomena percampuran kod. Selain kumpulan-kumpulan sosial yang disebutkan ini, bahasa Mandarin Standard tidak atau jarang digunakan oleh penduduk Cina di Kuching. Oleh itu dalam konteks Kuching, variasi ini boleh diserupakan (tetapi bukan disamakan) dengan variasi yang disebutkan oleh Platt (1977:373-374) sebagai “*Dummy High*”, iaitu

... some of the members have a certain knowledge, and which are given prestige ratings by the speakers and are even recognized either by government authorities, media, or prestige groups within the speech community, but which are not in fact utilized extensively in any domain.

Secara relatifnya bahasa Mandarin basahan menduduki ekstrim yang satu lagi; variasi ini selalunya tidak mengutamakan penyebutan retrofleks dalam gugusan ‘zh’, ‘ch’ dan ‘sh’ (bentuk paparan berdasarkan sistem fonologi ‘*Hanyu Pinyin*’ yang dibangunkan di negara China) (Chen, 1993a). Selain itu variasi ini juga dicirikan dengan kewujudan nada ‘*ru*’ (bunyi dengan hentian glottis; bentuk paparan berdasarkan sistem fonologi ‘*Hanyu Pinyin*’) secara tidak konsisten (Chen, 1993b; Chen, 1993c). Ringkasnya, bahasa Mandarin basahan ialah bahasa pertuturan sehari-harian dalam konteks tidak formal. Bahasa Mandarin basahan di Kuching (atau Sarawak secara amnya) tidak seharusnya disamaertikan dengan bahasa Mandarin basahan di Singapura meskipun Malaysia dan Singapura serupa dalam pelbagai aspek kehidupan (Guo, 2001). Penggunaan bahasa Mandarin basahan di Singapura adalah lebih standard kerana terdapat sokongan kerajaan Singapura menerusi Kempen Bercakap Bahasa Mandarin sejak 1979 yang diadakan setiap tahun sekali (Platt, 1985; Newman, 1988; Chan, 2003; Tong & Goh, 2008) memandangkan bahasa Mandarin merupakan satu daripada empat bahasa kebangsaan di negara tersebut.

Secara umumnya dialek Hokkien, bahasa Mandarin basahan dan bahasa Mandarin Standard merupakan tiga variasi bahasa Cina yang selalu kedengaran di Kuching. Sememangnya dialek-dialek lain contohnya dialek Teochew, Hakka dan Foochow juga dituturkan di Kuching tetapi dialek Hokkien dan bahasa Mandarin basahan mempunyai kedudukan yang dominan dan rata-rata boleh difahami oleh kebanyakan penduduk Cina di Kuching. Bahasa Mandarin Standard pula walaupun bukan bahasa pertama mana-mana kumpulan sosial, tetapi penyebarannya amat luas disebabkan pengaruh media massa (contohnya menerusi rancangan-rancangan Singapura, Taiwan, China dan saluran radio) sehingga penduduk Cina di Kuching tidak berasa asing dengan variasi ini.

Pada masa yang sama, dialek Kantonis merupakan variasi bahasa Cina yang menarik dalam konteks Kuching. Dialek ini tidak mempunyai kedudukan dominan di Kuching malah juga jarang dituturkan di Kuching. Tetapi disebabkan pengaruh media massa terutamanya rancangan televisyen dan radio, penduduk Cina di Kuching (terutamanya golongan muda) sudah biasa dengan dialek ini.

Kewujudan kepelbagaian variasi bahasa Cina ini atau diversiti linguistik menjadikan Kuching satu tempat yang menarik untuk menjalankan kajian sikap bahasa, kerana keadaan ini mungkin membentuk sikap bahasa yang unik dalam kalangan penduduk Cinanya. Pemerhatian sehari-harian pengkaji berkenaan reaksi penonton Cina Kuching terhadap drama Mandarin Singapura dan drama Mandarin Malaysia memulangkan sesuatu yang menarik. Berdasarkan reaksi positif penonton Cina Kuching terhadap sesetengah drama Mandarin Singapura yang banyak menggunakan bahasa Mandarin basahan (contohnya drama Jack Neo), boleh dibuat anggapan bahawa drama Mandarin Singapura rata-ratanya lebih disukai berbanding drama Mandarin Malaysia yang lebih menggunakan bahasa Mandarin Standard. Selain itu penggunaan sesuatu variasi bahasa Cina dalam konteks yang tertentu juga seakan-akan bakal mempengaruhi

jenis layanan yang diberikan. Walau bagaimanapun kesemua anggapan ini hanya bersifat hipotetikal dan memerlukan bukti kukuh untuk menyokong kesahannya. Berbalik pula kepada keempat-empat variasi bahasa Cina yang disebut di atas, sememangnya setiap satunya memainkan peranan masing-masing. Adakah pengagihan fungsi setiap variasi pada tahap permukaan ini menimbulkan impak ke atas penggunaan-pengguna bahasa? Bagaimanakah pengguna-pengguna bahasa dari pelbagai kumpulan sosial melihat setiap variasi ini, dan apakah reaksi mereka apabila berdepan dengan penutur setiap variasi ini? Adakah satu daripada variasi ini diberi layanan yang berbeza dengan variasi lain? Kesemua persoalan tersebut mendorong kajian ini yang tujuannya adalah untuk menunjukkan bukti empirikal mengenai sikap bahasa orang Cina di Kuching dijalankan. Untuk mendapat pola yang lebih representatif dan menyeluruh, subjek-subjek bagi kajian yang dimaksudkan ini perlu dipelbagaikan dan tidak hanya terhad kepada pelajar-pelajar, seperti banyak yang telah dilakukan oleh kajian-kajian sebelum ini.

1.3 Objektif kajian dan persoalan kajian

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau sikap bahasa komuniti atas-talian yang berbangsa Cina di Kuching terhadap variasi bahasa Cina yang dikaji, yakni bahasa Mandarin Standard (sebagai variasi standard yang disebarkan melalui media massa), bahasa Mandarin basahan (sebagai variasi yang tidak standard tetapi berfungsi sebagai lingua franca), dialek Hokkien (sebagai dialek yang dominan dan mempunyai kedudukan sebagai dialek lingua franca), dan dialek Kantonis (sebagai dialek yang kurang dominan tetapi disebarkan oleh media massa). Persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan ialah:

- (1) Apakah sikap bahasa komuniti atas-talian yang berbangsa Cina di Kuching terhadap bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien, dan dialek Kantonis dari dimensi
 - (a) status?
 - (b) kekitaan?
- (2) Apakah sikap komuniti sasaran terhadap bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien, dan dialek Kantonis berdasarkan faktor-faktor sosial iaitu jantina, umur, taraf pendidikan, taraf sosioekonomi, dan bahasa pertama mereka?

1.4 Limitasi kajian

Kajian ini hanya memfokus kepada sikap bahasa komuniti atas-talian yang berbangsa Cina di Kuching ke atas empat variasi bahasa Cina, iaitu bahasa Mandarin Standard, bahasa Mandarin basahan, dialek Hokkien dan dialek Kantonis. Komuniti atas-talian dalam kajian ini ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun atas-talian untuk tujuan berurusan secara atas-talian. Faktor-faktor sosial yang diambil kira dalam penerokaan sikap bahasa komuniti sasaran ialah jantina, umur, taraf pendidikan, taraf sosioekonomi, dan bahasa pertama mereka.

Dengan ini, apa-apa hasil dapatan tidak bermaksud untuk digeneralisasikan kepada mana-mana individu atau komuniti, sebaliknya wajar dilihat sebagai dapatan daripada satu kajian kes sahaja.

1.5 Kepentingan kajian

Sikap bahasa ke atas variasi bahasa Cina yang dituturkan dalam kawasan Sarawak merupakan bidang yang jarang diterokai. Kajian sistematik mengenai bidang ini baru mula menerima perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan, contohnya kajian

oleh Ting & Hung (2008), Ting (2006), dan Ting & Sussex (2002) ke atas penggunaan dialek Foochow oleh komuniti Foochow; serta kajian Ting & Puah (2010) ke atas penggunaan dialek Hokkien. Satu daripada faktor penyebab kenapa bidang yang dimaksudkan diabaikan sebelum ini adalah kerana pelbagai variasi bahasa Cina sudah dituturkan dengan meluas di seluruh Sarawak sehinggakan tertimbulnya ilusi bahawa penggunaan yang meluas boleh disamaertikan dengan penerimaan dalaman/psikologi yang meluas juga. Ironiknya dalam kehidupan seharian sering kedengaran suara-suara yang mendakwa bahawa sesuatu dialek lebih sedap didengar daripada dialek lain, penggunaan dialek tidak setanding bahasa Mandarin, ataupun bahasa Mandarin yang dituturkan sehari-hari tidak setanding bahasa Mandarin yang ‘disiarkan dalam drama Taiwan’. Boleh disimpulkan bahawa dakwaan-dakwaan sedemikian sekadar memfokus kepada bagaimana sesuatu variasi bahasa Cina itu *harus* dituturkan atau dipersembahkan, dan bukannya bagaimana variasi itu *sedang* digunakan. Dari persektif sosiolinguistik, dakwaan-dakwaan sedemikian tidak boleh diabaikan, sebaliknya wajar didalami kerana ianya mungkin membekalkan sumber yang kaya untuk menerokai sikap bahasa pelbagai kumpulan sosial yang tersirat di sebalik dakwaan-dakwaan itu.

Kajian ke atas sikap bahasa boleh membantu dalam menjawab soalan tentang reaksi pengguna bahasa terhadap sesuatu variasi atau meramalkan masa depan sesuatu variasi. Dalam kes variasi bahasa Cina, terdapat tren yang agak ketara yang mana sesetengah variasi yang lebih berpengaruh mungkin menggantikan variasi yang lain (contohnya dialek). Daripada situ timbul pula suara untuk mengekalkan dialek. Namun pengekalannya sesuatu dialek atau variasi juga bergantung kepada vitaliti ethnolinguistiknya (Giles, Bourhis & Taylor, 1977) yang mementingkan tiga faktor utama iaitu status, demografi dan sokongan institusi. Daripada situ, komuniti bahasa yang mempunyai status sosial yang rendah dan berasa variasi yang dituturkan oleh

komuniti sendiri adalah inferior (iaitu mempunyai sikap bahasa yang negatif) boleh mempengaruhi pengekalan bahasa (Giles, Bourhis & Taylor, 1977). Hal ini kerana pegangan sikap bahasa yang negatif meningkatkan kemungkinan golongan pemuda sesuatu komuniti bahasa kehilangan motivasi untuk mempelajari variasi atau dialek sendiri, dan akhirnya meninggalkan variasi atau dialek berkenaan. Dengan ini kepentingan kajian sikap bahasa terserlah berdasarkan fungsinya yang bakal meramalkan masa depan variasi yang dikaji. Dalam kes yang kurang ekstrim (contohnya kajian ini) yang mana komuniti bahasa bagi variasi atau dialek berkenaan belum ‘mengalah’ pula, kajian sikap bahasa boleh membekalkan maklumat berkenaan sikap semasa satu-satu komuniti bahasa terhadap variasi atau dialek yang digunakan. Dengan ini dakwaan yang menyatakan bahawa sesuatu variasi sedang berkembang popular atau sebaliknya boleh dibuktikan kesahihannya.

Kajian ini juga menampakkan kepentingannya dari segi memberi gambaran dan rujukan kepada ahli linguistik dan pihak perancang bahasa berkenaan sikap penutur bahasa Cina ke atas variasi-variasi bahasa Cina yang dituturkan di Kuching. Selain itu kajian ini juga diharapkan dapat mengisi jurang kajian tentang sikap bahasa penutur dalam konteks tempatan.